



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PENGECCUALIAN PENALTI PROGRAM KHAS PENGAKUAN  
SUKARELA (PKPS) DUTI SETEM 2026  
(TARIKH KEMASKINI : 28 JANUARI 2026)**

**1. Bilakah tempoh PKPS Duti Setem 2026 bermula dan berakhir?**

Tempoh PKPS Duti Setem 2026 adalah mulai 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026 dan penyeteman serta bayaran duti setem hendaklah dibuat dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026 itu.

**2. Apakah jenis surat cara yang layak PKPS Duti Setem 2026?**

Semua jenis surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 dan belum dilakukan penyeteman serta bayaran duti setem layak dikecualikan penalti di bawah PKPS Duti Setem 2026.

**3. Bolehkah permohonan PKPS Duti Setem 2026 dibuat secara manual?**

Tidak boleh. Permohonan PKPS Duti Setem 2026 dibuat dengan mengemukakan surat cara untuk penyeteman secara dalam talian melalui Sistem e-Duti Setem.

**4. Jika Pembayar Duti (PD) telah membuat penyeteman sebelum 1 Januari 2026 tetapi belum membayar duti setem bagi surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025, adakah PD masih layak untuk mendapat pengecualian penalti sepenuhnya?**

Ya. PD masih layak pengecualian penalti jika membuat bayaran duti setem dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026.

**5. Perlukah permohonan rayuan penalti dibuat bagi kes layak PKPS Duti Setem 2026?**

Tidak perlu. Penalti akan dikecualikan secara automatik apabila duti setem dibayar dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026.

6. **Bagaimana proses pengecualian penalti secara automatik berfungsi, terutama apabila Borang Nyata Duti Setem (BNDS) atau Notis Taksiran masih menunjukkan jumlah penalti?**

Paparan jumlah penalti masih akan ditunjukkan pada BNDS atau pada Notis Taksiran yang dikeluarkan. Namun begitu penalti berkeenaan akan dihapuskan secara automatik semasa proses bayaran duti setem dibuat. Jumlah penalti berkeenaan akan dipaparkan di ruang Penalti Dihapuskan dan tidak dimasukkan dalam ruang Jumlah Perlu Dibayar.

7. **Jika surat cara telah disetamkan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 namun ada penalti dikenakan, adakah surat cara ini dibenarkan untuk membuat permohonan di bawah PKPS Duti Setem 2026?**

Jika PD telah membuat penyeteman sebelum 1 Januari 2026 **tetapi belum membayar duti setem termasuk penalti** bagi surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025, PD layak pengecualian penalti jika membuat bayaran duti setem dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026.

Jika PD telah membuat penyeteman **dan telah membayar duti setem termasuk penalti**, sebelum 1 Januari 2026 bagi surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025, PD tidak layak membuat permohonan di bawah PKPS Duti Setem 2026 kerana bayaran duti setem dan penalti telah dibuat sebelum tempoh PKPS Duti Setem 2026.

8. **Adakah PD yang telah membuat penyeteman dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026 bagi surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 di akan diaudit?**

Tidak. PD yang telah membuat penyeteman dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026 bagi surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 tidak akan diaudit tetapi PKPS Duti Setem 2026 tidak mengecualikan PD daripada diaudit ke atas surat cara lain yang tidak disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026.

9. **Apakah maksud kes yang berunsurkan “fraud” dan adakah surat cara yang mengandungi unsur “fraud” layak PKPS Duti Setem 2026?**

Kes “fraud” bermaksud kes yang melibatkan unsur penipuan atau pemalsuan dan terdapat niat untuk mengelak dan tidak membayar duti setem. Surat cara yang mengandungi unsur “fraud” tidak layak dikecualikan penalti di bawah PKPS Duti Setem 2026.

10. **Adakah PKPS Duti Setem 2026 ini terpakai kepada PD warganegara sahaja? Bagaimana layanan ke atas PD bukan warganegara?**

PKPS Duti Setem 2026 terpakai kepada semua PD termasuk bukan warganegara.

- 11. Sekiranya PD layak untuk PKPS Duti Setem 2026 dan telah membuat penyeteman dalam tempoh 1 Januari 2026 sehingga 30 Jun 2026, namun telah lewat membayar duti, adakah layanan PKPS Duti Setem 2026 ini akan ditarik balik atau PD dikenakan penalti lewat bayar?**

Jika PD layak PKPS Duti Setem 2026 dan membuat bayaran selepas 30 Jun 2026, penalti lewat bayar akan dikenakan.

- 12. Sekiranya PD telah lewat membuat penyeteman dan tidak menyertai PKPS Duti Setem 2026 apakah kesannya?**

Bagi surat cara yang melewati tempoh penyeteman yang ditetapkan dan PD tidak menyertai PKPS Duti Setem 2026, penalti akan dikenakan selepas 30 Jun 2026. Semakan audit akan dijalankan ke atas PD seperti biasa mengikut Rangka Kerja Audit Duti Setem.

- 13. Maklumat lanjut atau pertanyaan berkenaan PKPS Duti Setem 2026?**

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi LHDNM menerusi:

- a. Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b. HASiL Live Chat; dan
- c. Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>